

# 21 mat rempit disyaki samun pemandu ditahan

BH 21/6/08 M/S 15

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

**K**UALA LUMPUR: Polis menahan 21 remaja berusia 20-an dari dua kumpulan mat rempit yang dipercayai terbabit melarikan sekurang-kurangnya 34 kes samun di sekitar Lembah Klang.

Ketua Polis Daerah Sentul, Asisten Komisioner Ahmad Sofian Yassin berkata, remaja berkenaan, iaitu 17 dari Kumpulan Double 7 dan empat dari Kumpulan Rempit Town, ditahan di sekitar Lembah Klang dan Seremban di Negeri Sembilan antara 5 hingga 11 Jun lalu.

Beliau berkata, tangkapan itu susulan siasatan ke atas dua kes samun di stesen minyak di Jalan Genting Klang dan Jalan Gombak, sebelum itu.

Katanya, anggota kedua-dua kum-

pulan terbabit yang bergerak dalam kumpulan terdiri antara 10 hingga 15 orang bersama motosikal, akan mengekori mangsa, terutama yang memandu bersendirian pada lewat tengah malam atau awal pagi.

"Apabila mangsa memberhentikan kenderaan, mat rempit berkenaan akan mengelilingi mangsa seperti aksi serangan Red Indian filem koboi.

"Walaupun mereka tidak membawa sebarang senjata, mangsa terpaksa menyerahkan wang atau barangan kepada anggota kumpulan itu kerana takut dikelilingi ramai mat rempit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul di sini, semalam.

Ahmad Sofian berkata, penahanan anggota kedua-dua kumpulan berkenaan membawa kepada rampasan 11


motosikal, 26 telefon bimbit yang sebahagian besarnya dipercayai milik mangsa, rantai emas serta resit menjual emas.

Katanya, polis turut membuat penahanan ke atas beberapa individu yang membeli barangan samun berkenaan daripada suspek.

"Kita percaya itu hanya sebahagian daripada barangan yang kita temui yang ada kaitan dengan kes dilakukan mat rempit itu.

"Siasatan juga mendapati kumpulan ini menggunakan hasil kegiatan samun untuk mengubah suai motosikal mereka supaya lebih berkuasa dan melakukan aksi bahaya di jalan raya," katanya.

Ahmad Sofian berkata, ada antara remaja berkenaan mempunyai rekod jenayah dan positif dadah melalui ujian air kencing.



**BENDUNG JENAYAH:** Ahmad Sofian (tengah) menunjukkan barang dirampas daripada mat rempit di Kuala Lumpur, semalam.